

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	5/4/2012

Kepimpinan Najib di pentas global

SEMEMANGNYA tiga tahun yang menarik bukan sahaja untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak malah seluruh rakyat Malaysia mempunyai perasaan yang serupa sejak beliau mengambil alih teraju kepimpinan tiga tahun lepas.

Menjadi lebih menarik dan mencabar kerana peralihan kepimpinan berlaku ketika senario politik telah banyak berubah kesan daripada pilihan raya umum 2008.

"Selepas tiga tahun, saya fikir rakyat lebih yakin kerana mereka mempercayai yang kerajaan mampu melakukannya dan kita telah buktikan," tambah Perdana Menteri ketika diminta mengulas perasaan beliau selepas tiga tahun memimpin Malaysia.

Sememangnya tidak dapat dinafikan perasaan positif rakyat terjadi kerana kejayaan program transformasi kerajaan (GTP) dan program transformasi ekonomi (ETP) yang sudah terbukti keberkesannya.

Jika rakyat Malaysia begitu selesa dengan kepimpinan Najib, bagaimana pula dengan persepsi masyarakat antarabangsa kerana pandangan dari luar adalah penting kerana ia sedikit sebanyak menggambarkan kedudukan negara di pentas antarabangsa.

Sudah menjadi kelaziman amat sukar bagi negara yang tidak mempunyai kuasa ekonomi atau ketenteraan yang besar untuk mempunyai pengaruh bersuara di peringkat antarabangsa kerana kedua-dua faktor kuasa tersebut yang akan menentukan kedudukan sesebuah negara.

Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Britain, Perancis atau Jerman berada pada landasan tinggi kerana kekuatan negara tersebut dalam kedua-dua bidang berkenaan.

Gerbang Global Azmi Hassan



Tetapi Malaysia yang secara relatifnya tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan tentera yang agak ketara, perhatian pemimpin global terhadap negara telah meningkat secara mendadak terutama sekali sebaik sahaja Najib menjadi Perdana Menteri.

Tidak keterlaluan jika dikatakan sejak tiga tahun kebelakangan ini Kuala Lumpur sebenarnya sentiasa menerima pandangan dan teguran positif Washington seolah-olah menggambarkan Malaysia adalah sekutu kuat AS.

Ramai yang sangsi dan mempunyai prasangka tidak baik kerana perhatian yang diberikan oleh Washington terhadap Kuala Lumpur melebihi yang diterima oleh sekutu kuat AS sedia ada seperti Manila, Bangkok malah Singapura sekali pun. Ada pula yang beranggapan pandangan positif tersebut disebabkan kepimpinan Presiden Barack Obama dan bukannya kerana Najib.

Walau apa pun pandangan sinis tersebut, hakikatnya adalah sebaik sahaja Najib dilantik Perdana Menteri, persepsi Washington terhadap Kuala Lumpur mula berubah. Ketika menyampaikan ucapan kepada dunia Islam di Kaherah pada 4 Jun 2009, Obama mentafsirkan Malaysia sebagai negara Islam yang maju dan progresif tetapi masih mampu mengekalkan ciri-ciri kesederhanaan dan patut dijadikan contoh

oleh negara Islam lain.

Ucapan Kaherah dan pandangan Obama terhadap Malaysia adalah kritikal dan penuh makna kerana ucapan tersebut dianggap sebagai manifestasi Washington untuk membuka ruang rundingan kepada semua negara Islam tidak kira lawan atau kawan. Malaysia yang telah dijadikan sebagai contoh negara Islam yang terbaik adalah manifestasi tadbir urus Najib.

Ketika Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear yang diadakan di Washington pada April 2010, status Malaysia sebagai negara Islam yang berpengaruh sekali lagi terbukti. Ini adalah kerana hanya dua pemimpin negara Islam iaitu Raja Abdullah dari Jordan dan Najib telah diberi penghormatan mengadakan perbincangan dua hala dengan Obama mengenai berbagai isu dua hala.

Paling menarik adalah pandangan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon yang memuji langkah Najib melakukan beberapa proses transformasi termasuk menerapkan penyatuan dan perpaduan bangsa menerusi gagasan 1Malaysia.

"Malaysia dan PBB boleh bekerjasama dalam mencorak masa depan dunia. Kita perlu sokongan Malaysia bagi membolehkan jurang antara kita (penduduk dunia) dapat dirapatkan bagi kestabilan ekonomi, politik dan sosial," tegas Setiausaha Agung PBB ketika beliau melawat Malaysia dua minggu lepas.

Adalah begitu penting rakyat Malaysia menilai secara kritikal pandangan dari pemimpin negara paling berkuasa di dunia iaitu Obama dan Setiausaha Agung PBB

kerana kedua-dua pemimpin ini menerajui negara dan pertubuhan yang begitu berpengaruh sekali.

Sebab itu, Najib secara strategik telah memperkenalkan Gagasan Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) ketika beliau menyampaikan ucapan di Perhimpunan Agung PBB (UNGA) pada September 2010 lepas. GMM mampu memainkan peranan untuk menjadikan PBB lebih saksama dan adil kerana pada ketika ini hanya negara kuasa besar yang mempunyai pengaruh terutama sekali dengan apa yang berlaku dalam Majlis Keselamatan. Timbul masalah apabila kuasa besar tersebut mempunyai pandangan yang terlalu ekstrem dimana langsung tiada sifat tolak ansur diamalkan.

Apabila Setiausaha Agung PBB menegaskan GMM perlu bekerjasama dengan Perikatan Tamadun PBB (UNAOC) bagi membawa mesej toleransi global, ia adalah satu saranan yang membawa makna begitu kuat sekali kerana UNAOC mempunyai mandat dan pengaruh besar dalam PBB.

Kesinambungan kepimpinan Najib bukan sahaja penting untuk kesejahteraan rakyat Malaysia tetapi kritikal juga untuk negara Islam dan juga negara kecil yang lain dimana suara mereka sukar untuk dikedengahkan di pentas global.

Sebagai sebuah negara Islam yang maju, progresif dan dihormati beserta dengan GMM, Malaysia melalui kepimpinan Najib mampu sekurang-kurangnya menjadikan PBB lebih adil dan saksama.

PENULIS ialah GeoStrategis Institut GeoSpatial dan Sekolah Perdana UTM.